

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)**JKR MALAYSIA BIL.1/2017**

Tarikh : **7 Mac 2017 (Selasa)**
Masa : **9.00 pagi – 12.30 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 2, Blok G, KKR2
Ibu Pejabat JKR Malaysia.**

KEHADIRAN

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	DATO' Sri Ir. Dr. ROSLAN BIN MD. TAH	KETUA PENGARAH KERJA RAYA (PENGERUSI)
2.	En. KAMALUDDIN BIN HJ. ABDUL RASHID	PENGARAH KANAN CAW. KEJ. AWAM & STRUKTUR
3.	DATO' Dr. MEOR ABDUL AZIZ BIN HJ. OSMAN	PENGARAH KANAN CAW. JALAN
4.	Ar. ZAIRUL AZIDIN BIN BADRI	PENGARAH KANAN, CAW. ARKITEK
5.	Ir. HJ. NASIR BIN ABDUL HAMED	PENGARAH KANAN CAW. KEJ. MEKANIKAL
6.	Ir. Dr. CHE HASSANDI BIN ABDULLAH	PENGARAH KANAN PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI
7.	Ir. GOPAL NARIAN KUTTY	PENGARAH CAW. ALAM SEKITAR & KECEKAPAN TENAGA
8.	Ir. SALLEH BIN AWANG	PENGARAH CAW. KERJA KESELAMATAN
9.	Ir. Hj. ZAINAL ABIDIN BIN SAIDUN	PENGARAH CAW. KERJA PENDIDIKAN
10.	Ir. Hj. MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN	PENGARAH CAW. DASAR & PENGURUSAN KORPORAT
11.	DATO' Ir. Hj. HAMIZAN BIN MOHD INZAN	PENGARAH CAW. KEJ. INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN
12.	MEJAR Ir. MOHAMMAD TAJUL URUS BIN TAJUDDIN	PENGARAH CAW. KEJURUTERAAN CERUN
13.	Sr HASHIMAH BINTI HARUN	PENGARAH CAW. KERJA BANGUNAN AM 2
14.	Ir. Hj. HANAN BIN Hj. ELIAS	PENGARAH JKR WP KUALA LUMPUR
15.	DATO' Ir. HABBALI BIN IBRAHIM	PENGARAH JKR WP PUTRAJAYA

SULIT

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	DATO' Ir. DR. HASNUL BIN MOHAMAD SALLEH	TKPKR (SEKTOR INFRA)
2.	DATO' Ir. Hj. MOHD FAZLI BIN OSMAN	TKPKR (SEKTOR PAKAR)
3.	- KOSONG -	TKPKR (SEKTOR BANGUNAN)
4.	Ir. Hj. MOHD DAUD BIN HARUN	PENGARAH KANAN CAW. PERANCANGAN ASET BERSEPADU
5.	DATO' Ir. HJ. MOHD JAMAL BIN SULAIMAN	PENGARAH KANAN CAW. KEJ. BANGUNAN AM 1
6.	Ir. MOHAMAD AZMAN BIN Hj. AHMAD	PENGARAH KANAN CAW. KEJ. ELEKTRIK
7.	Sr RATNA BINTI HJ. MAHYUDDIN	PENGARAH KANAN CAW. KONTRAK & UKUR BAHAN
8.	Ir. Dr. HJ. MOHAMAD NOR BIN OMAR	PENGARAH CAW. KEJ. GEOTEKNIK
9.	Ar. MOHD ANNUAR BIN NGAH	PENGARAH CAW. KERJA KESIHATAN
10.	Ir. ZULAKMAL BIN SUFIAN	PENGARAH CAW. SENGGARA FASILITI JALAN
11.	Ir. AZIZUL BIN ARIFFIN	PENGARAH CAW. SENGGARA FASILITI BANGUNAN
12.	Ir. ISMAIL BIN CHE ROS	PENGARAH JKR WP LABUAN
13.	En. NEK JID BIN MUHD ZAIN	PENGARAH UNIT JKR KESEDAR

TURUT HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Ir. MOHD SABRI BIN MAT DERIS	WAKIL PENGARAH BPPA, CAW. PERANCANGAN ASET BERSEPADU
2.	Sr ROZITA BIN YAHYA	PENGARAH CAW. KONTRAK & UKUR BAHAN
3.	Ir. YAAKOB BIN ABDUL LATIF	PENGARAH PERKHIDMATAN PAKAR, CAW KEJURUTERAAN ELEKTRIK
4.	DATO' ABDUL KARIM BIN MOHD TAHIR	PENGARAH JKR NEGERI SEMBILAN
5.	DATO' OTHMAN NORDIN	TIMBALAN PENGARAH, JKR NEGERI PAHANG
6.	Sr ZAILAN BIN LAGIMAN	PEGAWAI KHAS, PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
6.	Ir. ZAILAN BIN ABDUL RAHMAN	JAPK, CAW. SENGGARA FASILITI JALAN
7.	Ir. Hj. ABU HARITH BIN Hj. SAHMSUDDIN	JAPK, CAW. SENGGARA FASILITI BANGUNAN

SULIT

SULIT

BIL	NAMA	JAWATAN
8.	Pn. ROZIAH BINTI MD SAAD	APK, CAW. ARKITEK
9.	Ir. RADZUAN BIN MOKHTAR	JAPK, CAW. KERJA PENDIDIKAN
10.	En. KANAGARAJAH RASIAH	JAPK, CAW. KEJURUTERAAN GEOTEKNIK
11.	Ir. HALIMATON BINTI CHE WAN	JAPK, CAW. KERJA BANGUNAN AM 1
12.	Ir. NOR HAZLIN BINTI MOHAMMAD	JMP, CAW. KERJA MEKANIKAL
13.	Pn. TUKIJAH BINTI SURADI	JAK, CAW. KERJA KESIHATAN
14.	Pn. NORZIATY BINTI MOHD NOOR	JAK, CAW. KERJURUTERAAN CERUN
15.	Pn. MADIAH BINTI EMBONG	JUBK, BPPA, CAW PENGURUSAN ASET BERSEPADU
16.	Pn. NOOREL ADHA BINTI ABDUL WAHAB	JUBK, CAW. KERJA KESIHATAN
17.	En. ROZAMI BIN ABDUL RAHMAN	AK, CAW. ALAM SEKITAR & KECEKAPAN TENAGA
18.	Pn. KUEH HIONG MUI	JAK, BAHAGIAN KORPORAT, JKR NEGERI MELAKA
19.	Sr. SYED SAIFUL HIZAM BIN SYED MUBARAT	JUB, CAW. KERJA KESIHATAN

URUS SETIA

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Ir. Dr. HANNERITA BINTI MOHD ZAINAL	KETUA BAHAGIAN, BAI, CDPK
2.	DATIN Hjh. NORIAH BINTI ABU BAKAR	JAK, BAI, CDPK
3.	En. MUHAMMAD RABBANI BIN RUZALI	JA, BAI, CDPK
4.	Pn. KAMARIAH BINTI YAHAYA	PENOLONG JURUTERA, BAI, CDPK

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Perutusan Pengerusi</u>	
1.1	YBhg. Dato' Sri Dr. Ir. Roslan Bin Md. Taha, KPKR mempengerusikan mesyuarat dan memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	Makluman
1.2	YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan pada 6 Mac 2017 (Selasa) merupakan perasmian persidangan parlimen dan JKR telah ditegur oleh Ketua Setiausaha Negera berhubung dengan sistem audio di bangunan parlimen tidak berfungsi dengan baik. Masalah sistem audio ini disebabkan bunyi diluar dewan persidangan lebih kuat daripada dalam dewan. Ia menyebabkan gangguan bunyi berlaku semasa persidangan apabila pintu dewan dibuka. Perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak JKR dengan menutup beberapa speaker di depan pintu dewan parlimen. YBhg. Dato' Sri Pengerusi telah meminta Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik untuk memastikan perkara ini diperbaiki segera dan tidak berulang. YBhg. Dato' Sri Pengerusi juga meminta semua Pengarah Kanan, Pengarah dan Ketua Penyelaras Projek (HOPT) perlu memastikan semua projek dibawah JKR diperiksa dan diteliti sebelum menerima daripada pihak kontraktor atau sebelum menyerahkan kepada pihak pelangan.	Pengarah Kanan/ Pengarah/ Cawangan Kerja Elektrik
1.3	YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan isu yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya bersama KPKR adalah berhubung dengan rekabentuk sesebuah bangunan kerajaan perlu disemak semula dan memastikan pengurangan pemasangan penyaman udara terutamanya di ruang lobi. Terutamanya rekabentuk projek hospital kerajaan. Isu ini telah diusulkan oleh YAB Perdana Menteri sendiri bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Walaubagaimana pun, YBhg. Dato' Sri Pengerusi meminta rekabentuk perlu mengikut kriteria yang ditetapkan dan <i>building by law</i> .	Cawangan Arkitek/ Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
1.4	YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan ada segelintir kakitangan kerajaan atau yang telah bersara tidak menunjukkan taat setia kepada Raja dan Negara dengan tidak akur pada dasar dan polisi kerajaan. YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengingatkan agar kita mematuhi peraturan P.U (A) 395/1993 – Penjawat Awam perlu menunjukkan taat setia kepada Raja dan Negara. Tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja akan diambil keatas pegawai jika melanggar peraturan ini.	Makluman
1.5	YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan sejak kebelakangan ini banyak kakitangan Jabatan telah ditangkap oleh pihak SPRM dan tindakan tatatertib telah dibawa ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tindakan selanjutnya.	Makluman

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
2.0	<p><u>Pengesahan Minit Mesyuarat JITU JKR Bil. 3/2016.</u></p> <p>Minit Mesyuarat Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus (JITU) JKR Malaysia Bil. 3/2016 bertarikh 20 Oktober 2016 disahkan tanpa pindaan.</p>	
3.0	<p><u>Status JITU JKR Bagi Tahun 2014, 2015 & 2016.</u></p> <p>Ketua Bahagian Audit & Integriti (BAI), CDPK memaklumkan sejumlah 23 isu/masalah telah dibangkitkan dalam mesyuarat JITU bagi tahun 2014,2015 dan 2016 dengan status seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - 19 isu/masalah telah selesai (82.61%) - 4 isu dalam tindakan (17.39%) <p>Maklumat terperinci berkaitan status 23 isu tersebut adalah seperti di LAMPIRAN 1.</p>	Urusetia
3.1	<p><u>Isu Bil. 1/2014 Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA).</u></p> <p>Amalan perolehan dan pentadbiran kontrak pengurusan fasiliti dan penyenggaraan (FMMC) yang tidak konsisten dan berkesan di kalangan pejabat pelaksana dalam organisasi JKR serta agensi kerajaan.</p> <p>Syarat-syarat Kontrak Standard Form of Contract for Facilities Management & Maintenance (PWD Facilities Management & Maintenance Form [2016]) (FMM 2016) telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 19 Oktober 2016. Arahan pemakaian Standard Form of Contract FMM 2016 ini telah dibuat melalui Surat Arahan KPKR Bil 23/2016 bertarikh 16 Disember 2016 yang berkuatkuasa pada atau selepas 1 Januari 2017.</p> <p>Hala Tuju Dasar Perolehan Kerajaan Berkaitan Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan Dalam Projek Kerajaan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat ruj. S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK. 11 (33) bertarikh 9 Disember 2016 yang antara lain meluluskan perolehan FMM dikategorikan sebagai perolehan kerja dan kaedah perlaksanaan perolehan perkhidmatan Housekeeping & Cleaning Services dan Pest Control Services dilaksanakan secara Wang Peruntukan Sementara (WPS).</p> <p>Kementerian Kewangan melalui surat ruj. S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK 11 (37) bertarikh 6 Februari 2017 meluluskan pengambilan Bon Perlaksanaan oleh Kontraktor melalui kaedah WJP dan tidak membenarkan penggunaan kemudahan perolehan peralatan projek melalui kontrak .</p> <p>Sehubungan dengan itu Pembangunan Garis panduan perolehan dan pentadbiran kontrak telah dikemaskini mengikut kehendak syarat-syarat kontrak FMM 2016 dan selari dengan kelulusan di atas telah mencapai</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
3.2	<p>75% dan dijangka dapat dibentangkan pada Mac 2017.</p> <p>Setelah berbincang panjang lebar YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengambil maklum berkaitan isu ini dan meminta BPPA, CPAB untuk mengambil tindakan selanjutnya.</p> <p><u>Isu Bil.14 Tahun 2015 (CKUB).</u> Ketidakpatuhan proses memanggil sebut harga di JKR Negeri/ Cawangan.</p> <p>Garis Panduan Perolehan Kerja Bernilai Sehingga RM500,000 telah dikeluarkan melalui SA KPKR 22/2016 bertarikh 17 November 2016.</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengambil maklum berkaitan isu ini dan telah selesai.</p>	BPPA, CPAB
3.3	<p><u>Isu Bil.1 Tahun 2016 (CKUB).</u> Terma Rujukan 2 : Perlepasan Bon Pelaksanaan.</p> <p>CKUB memaklumkan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 11 November 2016 telah memutuskan bahawa KKR dan JKR telah diberi pengecualian daripada mematuhi peraturan semasa berkaitan pelepasan Bon Pelaksanaan seperti mana yang ditetapkan di dalam 1PP/PK4 dan Baki Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan atau dipulangkan selepas Perakuan Muktamad dikeluarkan selaras dengan Syarat-syarat Kontrak JKR sehingga pindaan 1PP dikeluarkan oleh MOF.</p> <p>Pengarah JKR Wilayah Putrajaya memaklumkan terdapat masalah dengan pihak Akauntan Negara berhubung perlepasan Bon Pelaksanaan bagi kontrak penyelenggaraan dan meminta untuk pihak CKUB untuk mengambil tindakan ke atas perkara ini.</p> <p>Pengarah Kanan CKAS juga memaklumkan satu perbincangan bersama Sr Amran dan Penasihat Undang-Undang (PUU) Kementerian Kerja Raya berhubung perkara yang telah dibangkitkan oleh Pengarah JKR Wilayah Putrajaya. Hasil perbincangan bersama PUU KKR, Pengarah Kanan CKAS meminta pihak CKUB untuk berbincang semula dengan MOF agar perlepasan Bon Pelaksanaan ini termasuk untuk kontrak penyelenggaraan</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengambil maklum dengan isu ini dan meminta pihak CKUB mengambil tindakan selanjutnya.</p>	Makluman CKUB

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
3.4	<p><u>Isu Bil. 4 Tahun 2016 (CKK).</u></p> <p>Terma Rujukan 1 : Dasar dan Perundangan.</p> <p>Isu Integriti dalam perlaksanaan projek JKR berkaitan kaedah perlaksanaan asal dalam BPP adalah Tender Terbuka (KKM) dan pengesyoran dibuat berdasarkan kaedah Tender Terhad dengan menamakan syarikat kontraktor (MOF).</p> <p>CKUB telah membentangkan Cadangan Penambahbaikan Bagi Pemilihan Kontraktor Untuk Tender Terhad Bagi Projek Fasiliti Hospital kepada KSU pada 6 Januari 2017.</p> <p>Susulan pembentangan kepada KSU, surat bagi Cadangan Penambahbaikan Pemilihan Petender Bagi Tender Terhad Fasiliti Kesihatan telah dikemukakan kepada MOF pada 12 Januari 2017.</p> <p>Antara cadangan yang telah dikemukakan adalah senarai nama diluluskan oleh MOF perlu melalui proses tapisan awal sama seperti kriteria prakelayakan sebagaimana yang ditetapkan dalam 1PP (PK2);</p> <p>CKUB memaklumkan MOF di dalam proses meneliti dan memperhalusi cadangan JKR.</p> <p>YBhg. Dato' Sri Penggerusi mengambil maklum berkaitan isu ini dan meminta pihak CKUB untuk mengambil tindakan selanjutnya.</p>	CKUB
4.0	<p><u>Perbincangan isu/ masalah (Mesyuarat JITU Bil. 1/2017).</u></p> <p>Urus setia memaklumkan bahawa terdapat 7 isu baru yang akan dibentangkan pada mesyuarat hari ini oleh Bahagian Audit Dan Integriti, Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat.</p>	
4.1	<p><u>Isu Bil. 1 Tahun 2017 (CKUB).</u></p> <p>Terma Rujukan 1: Cadangan bagi mewujudkan perjawatan Juruukur Bahan di peringkat JKR Daerah.</p> <p>Sr. Rozita Binti Yahya, Pengarah Perkhidmatan 2, CKUB membentangkan kertas kerja Cadangan Mewujudkan Perjawatan Juru Ukur Bahan di Peringkat JKR Daerah. Ini bertujuan agar jawatan Juruukur Bahan sekurang-kurangnya gred J41 bagi mengetuai Unit Kontrak dan Ukur Bahan di JKR Daerah.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berhubung justifikasi permohonan ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Memberi perkhidmatan ukur bahan di peringkat pra dan pos 	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>kontrak bagi memastikan prosedur pentadbiran kontrak sentiasa dipatuhi mengikut prinsip dan etika agar lebih cekap dan mengurangkan teguran audit berulang.</p> <p>II. Memperkuuh dan memperkemaskan lagi cara kerja supaya menjadi lebih teratur dan mengikut peraturan/prosedur kontrak yang betul.</p> <p>III. Berdasarkan SAKPKR Bil. 7/2016, kepakaran dan pengetahuan Juruukur Bahan amat diperlukan untuk bertindak sebagai penasihat Kontrak kepada JD/PP/WPP bagi mewujudkan sistem penyampaian yang lebih berkesan.</p> <p>IV. mengurangkan timbulnya isu integriti dalam perolehan projek</p> <p>CKUB juga memaklumkan bahawa pengurusan pentadbiran kontrak di peringkat pra dan pos kontrak selayaknya diuruskan oleh Juruukur Bahan bertepatan dengan bidang kepakarannya supaya tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak dapat diselaraskan selari dengan Arahan KPKR, Surat Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan, peraturan kewangan dan lain-lain arahan semasa kerajaan. (Rujuk Kertas Cadangan di LAMPIRAN 2)</p> <p>Setelah berbincang panjang lebar, YBhg. Dato' Sri Penggerusi memutuskan pihak CDPK untuk mengambil tindakan selanjutnya keatas isu ini.</p>	CDPK
4.2	<p><u>Isu Bil. 2 Tahun 2017 (BAI, CDPK).</u></p> <p>Terma Rujukan 1: Penerimaan dokumen kewangan palsu daripada penender.</p> <p>Ir. Dr. Hannerita Binti Mohamad Zainal, Ketua Bahagian Audit Dan Integriti, CDPK membentangkan isu berhubung penerimaan dokumen kewangan atau akuan bank palsu daripada penender dan menyebabkan projek gagal dilaksanakan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Isu ini adalah berdasarkan kes aduan yang diterima oleh BAI, CDPK pada tahun 2016 bahawa petender telah menghantar dokumen kewangan palsu semasa menyertai tender kerajaan. Tujuan isu ini dibawa ke dalam mesyuarat adalah untuk mencari mekanisma dalam memastikan dokumen kewangan atau penyata akuan bank yang dikemukakan oleh petender adalah sahih.</p> <p>YBhg. Dato' Sri Penggerusi telah memutuskan pihak CKUB mengambil tindakan selanjutnya ke atas isu ini dengan menghantar surat rasmi Jabatan kepada Bank Negara bagi mendapatkan pengesahan maklumat kewangan petender yang layak dan CIDB untuk urusan senarai hitam kepada syarikat kontraktor yang memalsukan dokumen kewangan.</p>	CKUB

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
4.3	<p><u>Isu Bil. 3 Tahun 2017 (JKR Negeri Melaka).</u></p> <p>Terma Rujukan 1: Hak jabatan sekiranya pihak sprm membuat operasi ke pejabat jkr.</p> <p>Pn. Kueh Hiong Mui, Jurutera Awam Kanan(JAK), JKR Negeri Melaka membentangkan isu hak jabatan sekiranya pihak SPRM membuat operasi ke pejabat JKR. Tujuan Isu ini dibentangkan adalah untuk mengetahui hak asas pegawai JKR dan juga memastikan dokumen JKR adalah selamat apabila diambil dan dipulangkan oleh SPRM.</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengurus memaklumkan semua pegawai yang terlibat dalam operasi SPRM perlu akur dengan prosedur SPRM dengan memberikan kerjasama yang penuh kepada SPRM. Pejabat yang terlibat perlu pastikan semua dokumen yang diambil oleh pihak SPRM hendaklah direkodkan.</p>	Makluman/ Ketua Jabatan
4.4	<p><u>Isu Bil. 4 Tahun 2017 (JKR Negeri Sembilan).</u></p> <p>Terma Rujukan 2: Ketiadaan mekanisme untuk memberi amaran berkaitan perubahan pekeliling 1pp secara on-line.</p> <p>YBhg. Dato' Ir. Abdul Karim Bin Mohd Tahir, Pengarah JKR Negeri Sembilan membentangkan isu ketiadaan mekanisme untuk memberi amaran berkaitan perubahan pekeliling 1PP secara on-line kepada pegawai-pegawai JKR. Tujuan isu ini dibentangkan adalah untuk mengwujudkan satu sistem amaran diperingkat Jabatan untuk memaklumkan sebarang perubahan terhadap 1PP dan memastikan semua kakitangan Jabatan menyedari perubahan yang berlaku terhadap pekeliling 1PP pada setiap masa.</p> <p>Setelah berbincang panjang lebar, YBhg. Dato' Sri Pengurus memutuskan isu ini perlu dibawa ke Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian oleh pihak CKUB dengan pindaan terhadap isu iaitu Cadangan Penambahbaikan Terhadap Tarikh Kuatkuasa Perubahan di dalam 1PP.</p>	
4.5	<p><u>Isu Bil. 5 Tahun 2017 (CKK).</u></p> <p>Terma Rujukan 1: Penemuan auditor mengenai kesalahan JKR dalam melaksanakan kerja tambahan sebelum kelulusan walaupun setelah pelaksanaan kelulusan perubahan kerja secara prinsip.</p> <p>Pn. Tukijah Binti Suradi, Jurutera Awam Kanan, CKK membentangkan isu penemuan auditor mengenai kesalahan JKR dalam melaksanakan kerja tambahan sebelum kelulusan walaupun kelulusan perubahan kerja secara prinsip telah diperolehi. CKK menjelaskan tujuan isu ini dibawa adalah</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>kerana kerap kali penemuan Auditor mengenai kesalahan JKR dalam melaksanakan kerja tambahan sebelum kelulusan diperolehi walaupun setelah mendapat kelulusan perubahan kerja secara prinsip. Hakikatnya arahan adalah merupakan kelulusan. Arahan/kelulusan kerja tambahan/perubahan kerja adalah daripada pihak pelanggan projek berkenaan dan bukannya dari pihak pelaksana (JKR). Biasanya Auditor akan merujuk tarikh pada dokumen Permohonan Kelulusan Perubahan Kerja atau Arahan Perubahan Kerja. Dokumen tersebut diluluskan oleh pihak pelaksana (Jawatankuasa Perubahan Kerja JKR). Auditor perlu dimaklumkan bahawa tarikh kelulusan Arahan Kerja Tambahan/Perubahan Kerja adalah berdasarkan arahan yang diterima daripada pihak pelanggan projek.</p> <p>YBhg. Dato' Sri Penggerusi memutuskan isu ini selesai dan berpandangan isu ini adalah berkaitan dengan masalah pegawai projek sendiri kerana tidak kompeten dalam melaksanakan tanggungjawab. Seorang pegawai projek perlu memahirkan diri dan mengikut prosedur terkini dalam pengurusan projek.</p>	
4.6	<p><u>Isu Bil. 6 Tahun 2017 (CKK).</u></p> <p>Terma Rujukan 1: Permohonan pengecualian dari pematuhan peraturan kewangan dalam 1pp dalam urusan perolehan kontraktor bagi membaiki kecacatan.</p> <p>Sr. Syed Saiful Nizam Bin Syed Mubarat, Juruukur Bahan, CKK membentangkan permohonan pengecualian dari pematuhan peraturan kewangan dalam 1PP dalam urusan perolehan kontraktor bagi membaiki kecacatan. CKK menjelaskan masalah yang dihadapi oleh pihak CKK dalam pelaksanaan projek iaitu Project Director (PD) terikat dengan prosedur yang digariskan dalam 1 Pekeling Perbendaharaan (1PP) berkaitan pembaikan kecacatan kerja kontraktor utama dimana 1PP adalah tidak praktikal. Jabatan perlu memohon pengecualian dari pematuhan peraturan kewangan dalam 1PP dalam urusan perolehan kontraktor pihak ketiga. Alasannya kerja membaiki kecacatan adalah tanggungjawab kontraktor dan segala kos adalah ditanggung oleh kontraktor bukan dari peruntukan wang kerajaan. PD hanya menyelesaikan mana-mana kecacatan yang gagal dibaiki oleh kontraktor dan segala kos ditolak dari apa-apa baki bayaran kepada kontraktor atau dari bon pelaksanaan / wang jaminan pelaksanaan. (Rujuk Kertas Cadangan di LAMPIRAN 3)</p> <p>YBhg. Dato' Sri Penggerusi memutuskan pihak CKUB perlu membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi mendapatkan pengecualian dari pematuhan peraturan kewangan 1PP dalam urusan perolehan kontraktor untuk baiki kecacatan dengan memberi keutamaan untuk projek reka dan bina terlebih dahulu.</p>	<p>Makluman</p> <p>CKUB</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
4.7	<p><u>Isu Bil. 7 Tahun 2017 (JKR Negeri Pahang).</u></p> <p>Terma Rujukan 1: Kelewatan Projek disebabkan hal-hal berkaitan pencawang TNB.</p> <p>YBhg. Dato' Othman Bin Nordin, Timbalan Pengarah, JKR Negeri Pahang membentangkan isu kelewatan Projek disebabkan hal-hal berkaitan pencawang TNB. Tujuan isu ini adalah untuk mendapat pelarasan bersama JKR dan TNB untuk menyelesaikan semua isu-isu yang menyumbang kepada kelewatan pihak TNB menerima serahan bangunan Pencawang.</p> <p>YBhg. Dato' Timbalan Pengarah, JKR Negeri Pahang menjelaskan antara punca-punca Kelewatan Projek disebabkan hal-hal berkaitan pencawang TNB seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Percanggahan rekabentuk lukisan pembinaan (disediakan oleh JKR) dengan kehendak sebenar TNB. ii. Kelewatan TNB mengemukakan caj sambungan pengguna (csp) kepada JKR. iii. Kelewatan TNB memulakan dan menyiapkan kerja penyambungan dan pemasangan kabel (tempoh 6 bulan yang ditetapkan oleh TNB adalah agak lama. Sepatutnya tempoh boleh disingkatkan lagi). <p>YBhg. Dato' Timbalan Pengarah, JKR Negeri Pahang mencadangkan agar pihak JKR yang bertanggungjawab hendaklah mendapat pengesahan daripada TNB terlebih dahulu bagi lukisan pembinaan pencawang sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan, kerjasama segera TNB diperlukan dalam mengemukakan kos cas sambungan pengguna (SCP) dan pihak TNB perlu mengkaji semula tempoh yang telah ditetapkan iaitu 6 bulan bekalan akan disalurkan selepas penyerahan pencawang dibuat. (Rujuk Kertas Cadangan di LAMPIRAN 4)</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi memutuskan isu ini hanya makluman kepada ahli mesyuarat dengan penambahbaikan yang perlu dibuat oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik iaitu memastikan lukisan rekabentuk adalah yang terkini dan diluluskan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).</p>	Makluman
5.0	<u>Hal-hal Lain.</u>	
5.1	<p>Terma Rujukan 3 : Laporan Kes-Kes Aduan Integriti Pegawai Jabatan Kerja Raya</p> <p>Ketua Bahagian BAI, CDPK telah membentangkan Laporan Kes – Kes Aduan Integriti Pegawai JKR mengikut kategori kes bagi aduan dari tahun 2011</p>	Makluman

SULIT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
6.0	<p>sehingga 2016. Mesyuarat telah bersetuju tempoh pelarasan Aduan JKR hendaklah dibuat penambahbaikan bagi mengelakkan tindakan diambil ke atas Ketua Jabatan kerana tidak menguruskan aduan Jabatan dengan lebih efisien. Laporan terperinci bagi bagi kes-kes aduan Integriti pegawai JKR seprtimana di LAMPIRAN 5.</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengurus mengambil maklum dan memuji dengan tindakan BAI, CDPK kerana telah membuat siasatan dengan telus dan teliti.</p> <p><u>Penangguhan Mesyuarat</u></p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir pada kali ini. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.</p>	Makluman

Disediakan oleh:

(En. MUHAMMAD RABBANI BIN RUZALI)

 Penolong Pengarah
 Bahagian Audit dan Integriti
 Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat.

Disemak oleh:

(DATIN Hjh. NORIAH BINTI ABU BAKAR)

 Penolong Pengarah Kanan
 Bahagian Audit dan Integriti
 Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat

Diluluskan oleh :


 (Ir. Dr. HANNERITA BINTI MOHAMAD ZAINAL)
 Ketua Bahagian
 Bahagian Audit dan Integriti,
 Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
 Tarikh : **5/4/2017**